bagi pihak Kerajaan, yang berupa pungutan royalti untuk kayu api bagi tempoh daripada 9 haribulan Mei 1974 sehingga 30 haribulan November 1976, hendaklah disifatkan sebagai telah dipungut oleh atau dibuat kepada Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai dan ejen-ejenya dengan sahnyanya.

Perlindungan bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri dan orang gaji daripada tanggungan ke atas diri mereka sendiri.

(2) Tiada apa-apa perbuatan atau kutipan oleh pegawai-pegawai atau ejen-ejen sedemikian untuk atau bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor atau oleh mana-mana orang lain, yang bertindak di bawah arahan atau perintah-perintah atau yang berupa arahan atau perintah-perintah yang diberi oleh Pegawai Perhutanan Negeri atau mana-mana pegawai-pegawai yang rendah darinya akan, jikalau pemungutan atau pembayaran yang dituntut atau dibuat dengan kejujuran menurut Enakmen Hutan ini, mengenakan ke atas dirinya sendiri apa-apa jua tanggungan, tuntutan, tindakan tatatertib, sercaj atau permintaan.

JADUAL

SCHEDULE II

ROYALTY RATE LIST

(i) Major Produce

Firewood—

Mangrove—per hundred pikuls \$ 6.00

Jumlah kutipan di bawah butir di atas bagi tempoh daripada 9 haribulan Mei 1974 sehingga 30 haribulan November 1976 33,905.07

Dituluskan pada 19hb Disember 1978.
[IPK. Sel. 30051/19; PU². Sel. Rahsia 3.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
Setiausaha,
Dewan Negeri Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 6 of 1978

I ASSENT,

(STATE SEAL)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan of Selangor

15th day of January 1979

An Enactment to validate collection of certain royalty rates and payments collected or made purporting to have been collected or made under the provisions of the Forest Enactment (F.M.S. Cap. 153).

[9th May 1974.]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Forest Royalty Rate Validation and Indemnity Enactment 1978, and shall be deemed to have come into force on the 9th May 1974. Short title.

2. (1) Notwithstanding the provision of Schedule II, Royalty Rate List under the Heading (i) Major Produce to the Forest Enactment (F.M.S. Cap. 153) the royalty specified in the Schedule to this Enactment collected by or paid to the Government of the State of Selangor or its officers and agents for or on its behalf, purporting to be collection of royalty for firewood during the period from the 9th of May 1974 to the 30th of November 1976, shall be deemed to have been validly collected by or made to the State Government, its officers and agents. Validity of acts previously done.

Protection
of the State
Government
employees
and servants
from
personal
liability.

(2) No act or thing done in effecting such collection by any such officers or agents for or on behalf of the State Government of Selangor or any other person, acting under the direction or orders of or purported direction or orders of the State Forest Officer or any of his officers below him shall, if the collection or payment was demanded or made bona fide pursuant to the Forest Enactment, subject him personally to any liability, claim, disciplinary action, surcharge or demand whatsoever.

SCHEDULE

SCHEDULE II

ROYALTY RATE LIST

(i) Major Produce

Firewood—

Mangrove—per hundred pikuls \$ 6.00

Collection under the above item for period from
the 9th of May 1974 to 30th November 1976 ... 33,905.07

Passed this 19th day of December 1978.

[IPK. Sel. 30051/19; PU². Sel. Rahsia 3.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor*

KUALA LUMPUR

DICETAK OLEH KETUA PENGARAH BERSEKUTAN DAN OPERATIFKAN DENGAN PERDITAH PAU

2308 JANUARI 1979

Harga: 20 sen

**KLANG MUNICIPAL COUNCIL
RATES VALIDATION AND
INDEMNITY
ENACTMENT 1979**

**ENAKMEN PENGESAHAN
KADAR BAYARAN DAN
TANGGUNGGRUGI MAJLIS
PERBANDARAN KLANG 1979**

SELANGOR

ENAKMEN No. 10 tahun 1979

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan Selangor

4hb Februari 1980

Suatu Enakmen bagi pengesahan kadar bayaran bagi tahun 1973 yang telah dipungut atau yang berupa dipungut atau dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen Lembaga Bandaran (N.M.B. Bab 137).

[1hb Januari 1973.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengesahan Kadar Bayaran dan Tanggungrugi Majlis Bandaran Kelang 1979, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat-kuasa pada 1 haribulan Januari 1973. Tajuk ringkas dan mula berkuat-kuasa.
2. (1) Kadar bayaran yang dipungut atau dijelaskan kepada Majlis Bandaran Kelang atau pegawai-pegawai atau ajen-ajennya untuk atau bagi pihaknya, berupa pungutan kadar bayaran tahunan bagi tempat-tempat yang terdapat di ruangan pertama dalam Jadual di bawah ini di atas kadar yang ditentukan di ruangan kedua di dalam Jadual tersebut bagi tempoh daripada 1 haribulan Januari 1973 sehingga 31 haribulan Disember 1973, hendaklah disifatkan sebagai telah dipungut oleh atau dibuat kepada Majlis Bandaran Kelang, pegawai-pegawai dan ajen-ajen dengan sahnyanya. Pengesahan bagi perbuatan yang telah dilakukan.

Perlindungan
bagi
kekaitangan-
kekaitangan
Majlis
Bandaran
Kelang dan
orang gaji
daripada
tanggungjawab
ke atas
diri mereka
sendiri.

(2) Tiada apa-apa perbuatan atau kutipan oleh pegawai-pegawai Majlis Bandaran Kelang atau oleh mana-mana orang lain, yang bertindak di bawah arahan atau Perintah-perintah atau yang berupa arahan atau perintah-perintah yang diberi oleh Yang Dipertua Majlis Bandaran Kelang, atau mana-mana pegawai-pegawai yang rendah darinya akan, jikalau pemungutan atau pembayaran yang dituntut atau dibuat dengan kejujuran menurut Enakmen ini, mengenakan ke atas dirinya sendiri apa-apa jua tanggungan, tuntutan, tindakan tata tertib, sercaj atau permintaan.

JADUAL

(1) Kawasan-kawasan	(2) Kadar bayaran tahunan
1. Bandar Kelang dan Pelabuhan Kelang (Seksyen 1 hingga 31)	16%
2. Zon "A" dan "B" (Kawasan Eng Ann Estate dan Telok Gadong)	16%
3. Kawasan Mukim (Di luar seksyen 1 hingga 31)	14%
4. Pandamaran Kawasan Perluasan (Pelan-pelan Gazette Jabatan Ukur Selangor No. 367/72)	12%
5. Kawasan Simpanan Melayu (Lama)	10%
6. Kawasan Simpanan Melayu (Baru)	8%

Diluluskan pada 19hb Disember 1979.
[IPK. Sel. 30051/22; IPK. Sel. 60072/4 Jld. 2.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
Setiausaha,
Dewan Negeri Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 10 of 1979

I ASSENT,

(STATE SEAL)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan of Selangor

4th day of February 1980

An Enactment to validate rates for the year 1973 collected or purporting to have been collected or made under the provisions of the Town Boards Enactment (F.M.S. Cap. 137).

[1st January 1973.]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Klang Town Council Rates Validation and Indemnity Enactment, 1979 and shall be deemed to have come into force on the 1st day of January 1973.

Short title
and
commence-
ment.

2. (1) The Rates collected by or paid to the Klang Town Council or its officers or agents for or on its behalf, purporting to be collection of annual rates for areas appearing in the first column of the Schedule hereunder at rates specified in the second column of the said Schedule for period from the 1st day of January 1973 to the 31st day of December 1973 shall be deemed to have been validly collected by or made to the Klang Town Council, its officers and agents.

Validity of
acts
previously
done.

Protection
of Klang
Town
Council
employees
and
servants
from
personal
liability.

(2) No act or thing done in effecting such collection by any such officers of the Klang Town Council or any other person, acting under the direction or orders of or purported direction or orders of the President of the Klang Town Council, any of his officers below him shall, if the collection or payment, was demanded or made *bona fide* pursuant to this Enactment, subject him personally to any liability, claim, disciplinary action, surcharge or demand whatsoever.

SCHEDULE

(1) Areas	(2) Annual rate
1. Klang Town and Port Klang (Section 1 until 31)	16%
2. Zone "A" and "B" (Eng Ana Estate and Telok Gadong Area)	16%
3. Mukim Area (Outside section 1 until 31) ...	14%
4. Pandamaran Area (Non-Local Authority) extended (Selangor Survey Department Gazette Plans No. 367/72)	12%
5. Malay Reserve Area (Old)	10%
6. Malay Reserve Area (New)	8%

Passed this 19th day of December 1979.
[IPK. Sel. 30051/22; IPK. Sel. 60072/4 Jld. 2.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor

**KLANG MUNICIPAL COUNCIL
RATES VALIDATION AND
INDEMNITY
ENACTMENT 1979**

**ENAKMEN PENGESAHAN
KADAR BAYARAN DAN
TANGGUNGGRUGI MAJLIS
PERBANDARAN KLANG 1979**

SELANGOR

ENAKMEN No. 11 tahun 1979

BETA PERKENANKAN.

(MOHOR KERAJAAN)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan Selangor

4hb Februari 1980

Suatu Enakmen bagi pengesahan kadar bayaran bagi tahun 1977 yang telah dipungut atau yang berupa dipungut atau dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

[1hb Januari 1977.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut :

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengesahan Kadar Bayaran dan Tanggungrugi Majlis Perbandaran Kelang 1979 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1977.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Walau apapun peruntukan-peruntukan dalam seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kadar tahunan yang dipungut atau dijelaskan kepada Majlis Perbandaran Kelang atau pegawai-pegawai atau ejen-ejenya untuk atau bagi pihaknya berupa pungutan kadar bayaran tahunan bagi tempat-tempat yang terdapat di ruangan pertama dalam Jadual di bawah ini di atas kadar yang ditentukan di ruangan kedua di dalam Jadual tersebut, bagi tempoh daripada 1 haribulan Januari 1977 sehingga 31 haribulan Disember 1977, hendaklah disifatkan sebagai telah dipungut atau dibuat kepada Majlis Perbandaran Kelang, pegawai-pegawai dan ejen-ejen dengan sahnyanya.

Pengesahan bagi perbuatan yang telah dilakukan.

Perlindungan
bagi kaki-
tangan kaki-
tangan
Majlis
Perbandaran
Kelang dan
orang gaji
daripada
tanggungan
ke atas diri
mereka
sendiri.

(2) Tiada apa-apa perbuatan atau kutipan oleh pegawai-pegawai atau ejen-ejen untuk atau bagi pihak Majlis Perbandaran Kelang atau oleh mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan atau perintah-perintah atau yang berupa arahan atau perintah-perintah yang diberi oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kelang, atau mana-mana pegawai-pegawai yang rendah darinya akan, jikalau pemungutan atau pembayaran-pembayaran yang dituntut atau dibuat dengan kejujuran menurut Enakmen ini, mengenakan ke atas dirinya sendiri apa-apa jua tanggungan, tuntutan, tindakan tatatertib, sercaj atau permintaan.

JADUAL

(1) Kawasan-kawasan	(2) Kadar bayaran tahunan
1. Di dalam seksyen 1 hingga 31 (Bandar Kelang dan Port Kelang)	13%
2. Kawasan Telok Gadong Kelang (Zon B) ...	13%
3. Taman Eng Ann Kelang (Zon A)	13%
4. Di luar seksyen 1 hingga 31	11%
5. Pandamaran dan Pandamaran Jaya	8%
6. Kawasan Simpanan Melayu (Lama)	6%
7. Kawasan Simpanan Melayu (Baru)	6%
8. Kawasan Perluasan (Pelan-pejan <i>Gazette</i> Jabatan Ukur Selangor No. 367/72)	9%

Diluluskan pada 19hb Disember 1979.
[IPK. Sel. 30051/22; IPK. Sel. 60072/4 Jld. 2.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
Setiausaha,
Dewan Negeri Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 11 of 1979

I ASSENT,

(STATE SEAL)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan of Selangor

4th day of February 1980

An Enactment to validate Rates for the year 1977 collected or purporting to have been collected or made under the provisions of the Local Government Act 1976.

[1st January 1977.]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Klang Municipal Council Rates Validation and Indemnity Enactment 1979 and shall be deemed to have come into force on the 1st day of January 1977.

Short title
and com-
mencement.

2. (1) Notwithstanding the provisions of section 127, Local Government Act 1976, the annual rates collected by or paid to the Klang Municipal Council or its officers or agents for or on its behalf, purporting to be collection of annual rates for areas appearing in the first column of the Schedule hereunder at rate specified in the second column of the said schedule for period from the 1st day of January 1977 to the 31st day of December 1977 shall be deemed to have been validly collected by or made to the Klang Municipal Council, its officers and agents.

Validity of
acts
previously
done.

Protection of
Klang
Municipal
Council
employees
and
servants
from
personal
liability.

(2) No act or thing done in effecting such collection by any such officers or agents for or on behalf of the Klang Municipal Council or any other person, acting under the direction or orders of or purported direction or orders of the President of the Klang Municipal Council, any of his officers below him shall, if the collection or payment was demanded or made bona fide pursuant to this Enactment, subject him personally to any liability, claim, disciplinary action, surcharge or demand whatsoever.

SCHEDULE

(1) Areas	(2) Annual Rate
1. In section 1 until 31 (Klang Town and Port Klang)	13%
2. Telok Gadong Area, Klang (Zone B)	13%
3. Eng Ann Estate, Klang (Zone A)	13%
4. Outside section 1 until 31	11%
5. Pandamaran and Pandamaran Jaya	8%
6. Malay Reserve Area (Old)	6%
7. Malay Reserve Area (New)	6%
8. Area (Non-Local Authority) extended (Selangor Survey Department Gazette Plans No. 367/72)	9%

Passed this 19th day of December 1979.
{IPK. Sel. 30051/22; IPK. Sel. 60072/4 Jld. 2.}

JAMIAN BIN MOHAMAD,
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor*

**ULU SELANGOR DISTRICT
COUNCIL RATES VALIDATION
AND INDEMNITY ENACTMENT
1979**

**ENAKMEN PENGESAHAN
KADAR BAYARAN DAN
TANGGUNGJAWAB MAJLIS
DAERAH ULU SELANGOR 1979**

SELANGOR

ENAKMEN No. 12 tahun 1979

BETA PERKENANKAN.

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

4hb Februari 1980

Suatu Enakmen bagi pengesahan kadar bayaran bagi tahun 1978 yang telah dipungut atau yang berupa dipungut atau dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

[1hb Januari 1978.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut :

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengesahan Kadar Bayaran dan Tanggungrugi Majlis Daerah Ulu Selangor 1979, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1978.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Walau apapun peruntukan-peruntukan dalam Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976, kadar tahunan yang dipungut atau dijelaskan kepada Majlis Daerah Ulu Selangor atau pegawai-pegawai atau ejen-ejenjnya untuk atau bagi pihaknya, berupa pungutan kadar bayaran tahunan bagi tempat-tempat yang terdapat di ruangan pertama dalam Jadual di bawah ini di atas kadar yang ditentukan di ruangan kedua dalam Jadual tersebut bagi tempoh daripada 1 haribulan Januari 1978 sehingga 31 haribulan Disember 1978, hendaklah disifatkan sebagai telah dipungut atau dibuat kepada Majlis Daerah Ulu Selangor, pegawai-pegawai dan ejen-ejen dengan sahny.

Pengesahan bagi perbuatan yang telah dilakukan.

Perlindungan bagi kakitangan-kakitangan Majlis Daerah Ulu Selangor dan orang gaji daripada tanggungan ke atas diri mereka sendiri.

(2) Tiada apa-apa perbuatan atau kutipan oleh pegawai-pegawai atau ejen-ejen untuk atau bagi pihak Majlis Daerah Ulu Selangor atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan atau Perintah-perintah atau yang berupa arahan atau perintah-perintah yang diberi oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Ulu Selangor, atau mana-mana pegawai-pegawai yang rendah darinya akan, jikalau pemungutan atau pembayaran yang dituntut atau dibuat dengan kejujuran menurut Enakmen ini, mengenakan ke atas dirinya sendiri apa-apa jua tanggungan, tuntutan, tindakan tatatertib, sercaj atau permintaan.

JADUAL

	(1) Kawasan-kawasan	(2) Kadar bayaran tahun
1.	Serendah	23%
2.	Ulu Yam Lama/Baru	20%
3.	Batang Kali	20%
4.	Rasa	24%
5.	Frasers Hill	23%
6.	Kuala Kubu Bharu	25%
7.	Kerling	21%
8.	Ulu Bernam	25%
9.	Kafumpang	20%

Diluluskan pada 19hb Disember 1979.

[IPK. Sel. 30051/22; IPK. Sel. 60072/4 Jld. 2.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
Setiausaha,
Dewan Negeri Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 12 of 1979

I ASSENT,

(STATE SEAL)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan of Selangor

4th day of February 1980

An Enactment to validate Rates for the year 1978 collected or purporting to have been collected or made under the provisions of the Local Government Act 1976.

[1st January 1978.]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Ulu Selangor District Council Rates Validation and Indemnity Enactment 1979 and shall be deemed to have come into force on the 1st day of January 1978. Short title and commencement.
2. (1) Notwithstanding the provisions of section 127, Local Government Act 1976, the annual rates collected by or paid to the Ulu Selangor District Council or its officers or agents for or on its behalf, purporting to be collection of annual rates for areas appearing in the first column of the Schedule hereunder at rates specified in the second column of the said schedule for period from the 1st day of January 1978 to the 31st day of December 1978, shall be deemed to have been validly collected by or made to the Ulu Selangor District Council, its officers and agents. Validity of acts previously done.

Protection
of Ulu
Selangor
District
Council
employees
and
servants
from
personal
liability.

(2) No act or thing in effecting such collection by any such officers or agents for or on behalf of the Ulu Selangor District Council or any other person acting under the direction or orders of or purported direction or orders of the President of the Ulu Selangor District Council, any of his officers below him shall, if the collection or payment was demanded or made *bona fide* pursuant to this Enactment, subject him personally to any liability, claim, disciplinary action, surcharge or demand whatsoever.

SCHEDULE

	(1) Areas	(2) Annual Rate
1.	Serendah	23%
2.	Ulu Yam Lama/Baru	20%
3.	Batang Kali	20%
4.	Rasa	24%
5.	Frasers Hill	23%
6.	Kuala Kubu Bharu	25%
7.	Kerling	21%
8.	Ulu Bernam	25%
9.	Kaiumpang	20%

Passed this 19th day of December 1979.
[IPK. Sel. 30051/22; IPK. Sel. 60072/4 Jld. 2.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor*

**MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE
LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)
ENACTMENT 1980**

**ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN AHLI
DEWAN NEGERI (SARAAN) 1980**

- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 3/1988 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 8/1990 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 1/1993 (BI)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 2/1997 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 3/2000 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 1/2001 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 2/2004 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)(AMENDMENT) ENACTMENT 4/2005 (BI & BM)**
- **MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2005 (BI & BM)**

SELANGOR
ENAKMEN No. 8 tahun 1980

BETA PERKENANKAN,

T. ABDUL AZIZ SHAH,
(MOHOR KERAJAAN) *Sultan Selangor*

31hb Mac 1981

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan mengenai saraan bagi Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Dewan Negeri dan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[1hb Julai 1980.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Julai 1980.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Ahli atau Anggota” ertinya Anggota Pentadbiran, Ahli Dewan Negeri dan Speaker Dewan Negeri;

“Anggota Pentadbiran” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Fasal 2 Perkara 160 Perlembagaan

... tetapi tidak termasuk Setiausaha Politik

Saraan bagi Ahli Dewan Negeri.

3. Saraan bagi Ahli Dewan Negeri hendaklah berupa elaun bulanan sebanyak dua ribu ringgit.

Saraan bagi Yang di-Pertua Dewan Negeri.

4. Saraan bagi Speaker Dewan Negeri hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak dua ribu lima ratus ringgit, selain dari elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya sebagai Ahli Dewan Negeri seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.

Lain-lain elaun dan keistimewaan bagi orang-orang di bawah seksyen 3 dan 4.

5. Selain dari elaun yang kena dibayar di bawah seksyen 3 dan gaji dan elaun yang kena dibayar di bawah seksyen 4, orang-orang yang dinyatakan dalam seksyen-seksyen itu adalah juga berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa had dan syarat sebagaimana diarahkan oleh Raja dalam Mesyuarat dan arahan sedemikian itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri.

Saraan bagi Anggota-anggota Pentadbiran.

6. (1) Saraan bagi Anggota-anggota Pentadbiran hendaklah berupa—

(a) bagi Menteri Besar, gaji bulanan sebanyak enam ribu ringgit;

(b) bagi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, gaji bulanan sebanyak tiga ribu ringgit;

(2) Jika seorang Anggota Pentadbiran ialah Ahli Dewan Negeri, dia adalah berhak, selain dari gaji yang dinyatakan dalam seksyen-kecil (1), mendapat elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya sebagai Ahli Dewan Negeri seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.

(3) Anggota Pentadbiran adalah juga berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa had dan syarat sebagaimana ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari semasa ke semasa;

Bermulanya gaji dan elaun.

7. Semua gaji dan elaun bulanan yang dinyatakan dalam seksyen 3, seksyen 4 dan seksyen-kecil (1) dan (2) kepada seksyen 6 dan yang kena dibayar hendaklah—

(a) bermula dari tarikh kuatkuasa Enakmen atau tarikh perlantikan atau pilihan Ahli atau Anggota itu, mengikut mana yang lebih lewat;

(b) berakru dari hari ke hari dan kena dibayar pada hari terakhir dalam tiap-tiap satu bulan atau pada mana-mana hari lain dalam bulan yang berkenaan sebagaimana ditetapkan oleh Menteri Besar dari semasa ke semasa.

8. Seseorang Ahli atau Anggota adalah berhak mendapat apa-apa pencen, ganjaran dan lain-lain faedah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Pertama. Pencen dan ganjaran.

9. Seseorang Ahli atau Anggota adalah berhak mendapat apa-apa faedah kemalangan sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua. Faedah kemalangan.

10. Amaun-amaun yang dinyatakan dalam atau di bawah Enakmen ini sebagai amaun bagi apa-apa gaji, elaun atau faedah yang kena dibayar dari wang yang diperuntukkan oleh Dewan Negeri dan tidak dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan wang Disatukan hendaklah dianggap sebagai amaun maksimum yang boleh dibayar secara itu, dan walau apa pun peruntukan Enakmen ini atau peruntukan yang dibuat di bawahnya tentang amaun-amaun itu, gaji, elaun dan faedah yang kena dibayar dalam sesuatu bulan bagi sesuatu jawatan boleh kurang amaunnya daripada amaun yang dinyatakan atau ditetapkan itu. Peng-uraian gaji dan lain-lain kena dibayar dari wang yang diperuntukkan oleh Dewan Negeri.

11. Melainkan jika diperuntukkan selainnya, seseorang Ahli atau Anggota yang kepadanya apa-apa gaji kena dibayar di bawah Enakmen ini adalah berhak menerima hanya gaji dan elaun itu sahaja tetapi jika dia pemegang dua jawatan atau lebih yang baginya gaji dan elaun kena dibayar dan ada perbezaan tentang gaji dan elaun yang kena dibayar bagi jawatan-jawatan itu, maka jawatan yang baginya elaun dan gaji itu kena dibayar ialah jawatan yang baginya gaji dan elaun-elaun tertinggi sekali kena dibayar. Peruntukan bagi mengelakkan per-gandaan gaji.

12. Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri, selaku ahli-ahli ex-officio Majlis Mesyuarat Kerajaan, hendaklah, selain dari gaji-gaji yang diterima dan elaun-elaun yang dinikmati oleh mereka sebagai pegawai-pegawai awam, diberi apa-apa elaun dan keistimewaan lain yang hendaklah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari semasa ke semasa. Elaun dan keisti-mewaan bagi pegawai-pegawai tertentu.

Perlantikan dan pembayaran elaun kepada pembantu kepada Menteri Besar.

13. Menteri Besar boleh melantik seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagai pembantunya untuk melaksanakan tugas-tugas khas tertentu sepenuh masa. Sebarang ahli tersebut, dengan apa jua gelaran ianya dipanggil, sepanjang masa ia dikehendaki oleh Menteri Besar untuk menjalankan bidang tugas tersebut, adalah berhak dibayar, di samping saraan yang kena dibayar kepadanya selaku Ahli Dewan Negeri dan juga selaku Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, apa-apa elaun dan keistimewaan lain yang ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari semasa ke semasa.

Wang yang hendak diperuntukkan atau dipertanggungkan.

14. (1) Tertakluk kepada seksyen-kecil (2) dan (3), gaji, elaun dan faedah yang kena dibayar di bawah Enakmen ini hendaklah dibayar dari wang yang diperuntukkan oleh Dewan Negeri.

(2) Saraan bagi Speaker Dewan Negeri di bawah Enakmen ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan wang Disatukan.

(3) Pencen dan ganjaran yang kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan wang Disatukan.

Pemansuhan dan kecuatian. En. 3/72.

15. Enakmen (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri 1972 adalah dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa jika seseorang atau orang tanggungannya telah menerima pencen atau pencen terbitan, mengikut mana yang berkenaan, di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen itu, maka pencen atau pencen terbitan hendaklah dihitung semula di bawah perenggan 20 Jadual Pertama dan hendaklah terus kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Jadual itu.

Pemansuhan 16. Undang-undang berikut adalah dimansuhkan—

Sel. En. 4/59
Sel. En. 5/59

- (a) Speaker's (Remuneration) Enactment 1959;
(b) Legislative Assembly (Members' Remuneration) Enactment 1959.

JADUAL PERTAMA
(Seksyen 8, 10, 14 dan 15)

1. Dalam.

1. Dalam Jadual ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain—

“anak” ertinya anak *seseorang* Ahli atau Anggota yang mati yang berumur kurang daripada 21 tahun dan termasuklah—

- (i) anak yang lahir selepas kematian bapanya, anak tiri tanggungan atau anak taksahtraf;

ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN 45
NEGERI (SARAAN)

- (ii) anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis, adat atau kelaziman sebelum kematian Ahli atau Anggota itu; dan
- (iii) anak yang diambil sebagai anak angkat sebelum kematian Ahli atau Anggota yang menganuti Ugama Islam sama ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis, adat atau kelaziman atau selainnya;

"gaji"—

- (a) berhubung dengan Ahli Dewan Negeri, ertinya elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya di bawah seksyen 3 Enakmen ini yang akhir sekali diterima;
- (b) berhubung dengan Yang di-Pertua Dewan Negeri, ertinya jumlah gaji bulanan dan elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya di bawah seksyen 4 Enakmen ini yang akhir sekali diterima; *atau Tambahan Mesrui Berak - En 2/90*
- (c) berhubung dengan Menteri Besar atau seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, ertinya jumlah gaji bulanan dan elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya di bawah seksyen 6 (1) dan (2) Enakmen ini yang akhir sekali diterima;

"perkhidmatan yang boleh dimasukira" ertinya tempoh, mengikut bulan, sepanjang mana seseorang itu menjadi Ahli atau Anggota sama ada terus-menerus atau bagi dua tempoh atau lebih yang berasingan; dan bagi maksud menghitung lamanya perkhidmatan yang boleh dimasukira bagi seseorang Ahli atau Anggota, semua tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira hendaklah diagregatkan.

2. (1) Seseorang yang berhenti menjadi Ahli atau Anggota boleh diberi pencen jika dia telah menyempurnakan 36 bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira; *Dengan syarat - En 2/90*

(2) Pencen bulanan yang kena dibayar di bawah perenggan-kecil (1) hendaklah dihitung mengikut formula yang berikut:

$$\frac{1}{144} \times \text{tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji, tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah dari gaji};$$

Dengan syarat bahawa pencen yang kena dibayar di bawah perenggan ini hendaklah berdasarkan gaji yang paling tinggi diterima oleh seseorang Ahli atau Anggota selama apa-apa perkhidmatan yang boleh dimasukira:

Dengan syarat lanjut bahawa apa-apa perkhidmatan yang boleh dimasukira dalam hal seseorang yang berhenti menjadi Ahli atau Anggota sama ada disebabkan kematian atau terbubaranya Dewan Negeri atau disebabkan hilang-kelayakan di bawah Perkara LXIV (1) (a) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, hendaklah disifatkan sebagai 36 bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira, jika tempoh perkhidmatan itu kurang daripada 36 bulan.

(3) Pencen yang diberi di bawah perenggan ini hendaklah diteruskan selama hayat orang yang kepadanya pencen itu kena dibayar tetapi tidaklah boleh dibayar bagi apa-apa tempoh dia menjadi Ahli atau Anggota lagi dan menerima gaji bagi jawatan itu:

Dengan syarat bahawa tempoh itu, tertakluk kepada perenggan-kecil (1) dan (2), hendaklah diambil kira untuk menghitung pencen yang kena dibayar apabila dia sekali lagi berhenti menjadi Ahli atau Anggota.

(4) Dalam hal seseorang yang telah menjadi Ahli atau Anggota pada atau selepas 31hb Ogos 1957 dan masih hidup lagi ia boleh diberi pencen di bawah perenggan-kecil (1) dan (2) dari tarikh mula berkuatkuasanya Enakmen ini berasaskan gaji akhirnya yang diselaraskan dengan gaji Ahli atau Anggota sebagaimana sesuai dan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini.

Peruntukan-peruntukan atas bagi Menteri Besar, dll. yang menjadi "back-bencher", dll.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan-kecil (3) perenggan 2, seseorang Ahli atau Anggota yang tidak memegang jawatan Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh terus dibayar pencen yang diberi di bawah perenggan 2, jika dahulunya ia pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selama apa jua tempoh: *AK*

Dengan syarat bahawa jika dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota dan pencen yang diterimanya adalah kurang daripada pencen maksimum yang kena dibayar di bawah perenggan-kecil (2) perenggan 2, maka pencen itu bolehlah dihitung semula atas asas gaji yang diterimanya sebagai Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mengikut mana yang berkenaan dan atas perkhidmatan yang boleh dimasukira, yang mana hendaklah termasuk sekian lama tempoh dia berkhidmat sebagai Ahli atau Anggota, lain daripada sebagai Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, supaya dia boleh menerima pencen sehabis maksimum yang mungkin yang kena dibayar di bawah perenggan-kecil (2) perenggan 2. *Atas Timen Pen Ben*

Ganjaran bagi AAB atau Anggota.

4. (1) Seseorang yang berhenti menjadi Ahli atau Anggota boleh diberi ganjaran yang dihitung mengikut formula yang berikut:

$$\frac{1}{48} \times \text{gaji} \times 12 \times \text{tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira tidak melebihi 72 bulan.}$$

(2) Ganjaran yang kena dibayar di bawah perenggan ini hendaklah berdasarkan gaji yang paling tinggi diterima oleh seseorang Ahli atau Anggota selama apa-apa perkhidmatan yang boleh dimasukira.

(3) Apa-apa ganjaran atau hadiah wang tunai yang telah dibayar kepada seseorang Ahli atau Anggota berhubung dengan apa-apa tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira hendaklah dipotong daripada ganjaran yang kena dibayar di bawah perenggan ini.

(4) Walau apa pun peruntukan perenggan-kecil (1), seseorang Ahli atau Anggota yang berhenti memegang jawatan Menteri Besar, atau berhenti menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, tetapi terus menjadi seorang Ahli Dewan Negeri bolehlah dibayar ganjaran di bawah perenggan ini pada masa beliau berhenti memegang jawatan itu:

*Atas Timbalan
Rakitan
Beras
En 2/90*

Dengan syarat bahawa apabila beliau berhenti menjadi seorang Ahli atau Anggota, ganjaran yang telah dibayar kepadanya itu hendaklah dipotong daripada ganjaran yang patut dibayar di bawah perenggan ini.

5. (1) Jika seseorang Ahli atau Anggota mati dan layak menerima pencen di bawah perenggan 2 dan ganjaran di bawah perenggan 4, Raja boleh, di bawah perenggan 8, memberi kepada orang-orang tanggungannya pencen terbitan dan ganjaran terbitan atau ganjaran terbitan sahaja.

Pencen terbitan atau ganjaran terbitan jika Ahli atau Anggota mati semasa menjadi Ahli atau Anggota.

(2) Tertakluk kepada perenggan 3, pencen terbitan dan ganjaran terbitan yang kena dibayar di bawah perenggan-kecil (1) hendaklah dihitung mengikut cara yang sama seperti penghitungan pencen di bawah perenggan-kecil (2) perenggan 2 dan penghitungan ganjaran di bawah perenggan 4.

(3) Tertakluk kepada perenggan 10, pencen terbitan yang diberi di bawah perenggan-kecil (1) adalah kena dibayar selama tempoh tidak melebihi dua belas tahun setengah dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh kematian Ahli atau Anggota itu, dan selepas itu orang-orang tanggungan hendaklah terus menerima tujuh puluh peratus dari pencen terbitan yang diberikan itu.

(4) Dalam hal seseorang yang telah menjadi Ahli atau Anggota pada atau selepas 31hb Ogos 1957 telah mati dan meninggalkan orang-orang tanggungan dalam erti perenggan 8, orang-orang tanggungan itu boleh, dari tarikh mula berkuatkuasanya Enakmen ini, jika mereka tidak menjadi tidak layak di bawah perenggan 10 mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Enakmen ini, diberi pencen terbitan di bawah perenggan 5, 6 atau 7, mengikut mana yang berkenaan, berasaskan gaji yang akhir sekali diterima oleh orang itu yang diselaraskan dengan gaji Ahli atau Anggota sebagaimana sesuai dan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini.

6. Tertakluk kepada perenggan 10, jika seseorang mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh terakhir dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, orang-orang tanggungannya boleh diberi pencen terbitan sebanyak amau yang sama dengan pencen yang dibayar atau kena dibayar kepadanya bagi baki tempoh itu dan selepas itu pencen terbitan itu hendaklah terus dibayar mengikut kadar tujuh puluh peratus dari pencen terbitan yang diberikan itu.

Pencen terbitan jika seseorang mati dalam tempoh dua belas tahun setengah.

7. Tertakluk kepada perenggan 10, jika seseorang mati selepas dua belas tahun setengah dari tarikh terakhir dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, orang-orang tanggungannya boleh diberi pencen terbitan yang sama banyaknya dengan tujuh puluh peratus dari pencen orang itu.

Pencen terbitan jika seseorang mati selepas dua belas tahun setengah.

Orang-orang tanggungan yang layak menerima pencen terbitan dan ganjaran terbitan.

8. (1) Pencen terbitan boleh diberi kepada balu atau duda dan anak Ahli atau Anggota yang mati.

(2) Ganjaran terbitan boleh diberi kepada—

(a) orang-orang yang dinyatakan di bawah perenggan-kecil (1), dan

(b) ibu atau bapa tanggungan Ahli atau Anggota yang mati.

(3) Jika tidak ada orang di bawah perenggan-kecil (1) dan (2), ganjaran terbitan sahaja bolehlah diberi kepada waris yang hampir sekali kepada Ahli atau Anggota yang mati itu.

(4) Walau apa pun peruntukan perenggan-kecil (1) kepada perenggan 8, jika seseorang balu atau duda berkahwin dengan seseorang selepas orang itu berhenti menjadi Ahli atau Anggota dan hanya jika perkahwinan itu telah dilangsungkan dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh dia akhir sekali menjadi Ahli atau Anggota, balu atau duda itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah berhak mendapat hanya pencen terbitan sahaja di bawah peruntukan-peruntukan perenggan 6 bagi baki tempoh dua belas tahun setengah yang disebut dalam perenggan itu dan tidaklah berhak mendapat pencen terbitan selepas itu.

Pembayaran pencen terbitan atau ganjaran terbitan.

9. Pencen terbitan atau ganjaran terbitan boleh dibayar kepada orang-orang di bawah perenggan-kecil (1) dan (2) perenggan 8 mengikut apa-apa bahagian sebagaimana difikirkan patut oleh Raja dan pencen terbitan itu boleh dibahagikan semula bila-bila masa sahaja salah seorang daripada orang-orang itu mati atau berhenti dari berkelayakan mendapat bayaran itu.

Terhentinya pencen terbitan.

10. Pencen terbitan yang diberi di bawah Jadual ini hendaklah terhenti, jika penerimanya—

(a) seorang balu atau duda, apabila dia berkahwin lagi; atau

(b) seorang anak, apabila dia berkahwin; atau

(c) seorang anak, yang apabila atau selepas mencapai umur 21 tahun berhenti dari berkeadaan cacat otak atau hilang-upaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri; atau

(d) seorang anak, yang apabila atau selepas mencapai umur 21 tahun berhenti mendapat didikan disuatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melampaui pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama.

Bayaran sementara jika semua pencen, dan, baki lagi ditentukan.

11. Jika seseorang Ahli atau Anggota atau orang-orang tanggungan layak mendapat pencen atau ganjaran di bawah Jadual ini tetapi semua pencen atau ganjaran itu belum lagi ditentukan sesudah sahaja dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota atau apabila dia mati, Raja boleh membenarkan bayaran sementara dibuat kepada Ahli atau Anggota itu atau orang-orang tanggungananya sementara menanti penentuan itu.

Bayaran pencen.

12. Pencen yang diberi di bawah Jadual ini boleh dibayar tiap-tiap bulan pada akhir bulan dalam mana pencen itu sampai masanya dibayar atau mengikut apa-apa lat-tempoh lain sebagaimana ditetapkan oleh Raja sama ada secara umum atau dalam sesuatu kes tertentu.